

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. MANSOR BIN ABD RAHMAN [SIK]

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

SOALAN :

YB Dr. Mansor bin Abd Rahman [Sik] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan rentetan daripada pertempuran sengit tentera Filipina dengan militan Abu Sayyaf baru-baru ini dan tindakan tentera Filipina meningkatkan serangan terhadap kumpulan tersebut adakah kemungkinan kumpulan militan Abu Sayyaf akan melarikan diri ke Malaysia dan apakah langkah-langkah pencegahan Kerajaan bagi melumpuhkan gerakan mereka di Malaysia.

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Kebarangkalian bahawa militan Kumpulan Abu Sayyaf (KAS) melarikan diri ke Pantai Timur Sabah akibat tekanan operasi ketenteraan di selatan Filipina sememangnya wujud. Namun demikian, kebarangkalian mereka berjaya membolosi kawasan sempadan perairan negara adalah rendah memandangkan pasukan keselamatan dan agensi penguatkuasaan Malaysia sentiasa melaksanakan pemantauan dan operasi di perairan sempadan Malaysia bagi menghalang kemasukan mereka ke perairan negara.

ESSCOM telah meningkatkan pemantauan di sepanjang sempadan yang berisiko khususnya sempadan Perairan Semporna - Lahad Datu, Perairan Kinabatangan Dan Perairan Lankayan hingga ke Sandakan dengan inisiatif seperti berikut:

- i. Mengatur gerak vesel-vesel di sepanjang perairan ESSZONE, khususnya laluan yang berhadapan dengan perairan Filipina serta laluan-laluan yang dikenal pasti bagi mewujudkan *visual presence and deterrence*;
- ii. *Respond team* diaturgerak ke lokasi-lokasi strategik untuk tindakan segera di samping mewujudkan *presence*;
- iii. Mengoptimumkan sistem pengawasan radar dan Pangkalan Laut Tun Sharifah Rodziah, Kapal Auxiliary Tun Azizan, radar *point defence*

- dari tiga (3) buah pulau, sistem kamera jarak jauh *Big Eye* di beberapa buah pulau yang strategik, pengawasan pesawat udara maritim dan *unmanned aerial vehicle* (UAV);
- iv. Perkongsian maklumat dan risikan di peringkat taktikal dan *operational* antara agensi dan agensi perisikan Filipina;
 - v. Melaksanakan operasi-operasi di daratan dan laut (OP BERSEPADU, OP GASAK, OP GASAK LAUT dan OP GASAK KHAS) sebagai usaha pencegahan dan *show of force*; dan
 - vi. Melancarkan operasi-operasi khas terhadap sarang-sarang penjenayah/tali barut Kumpulan Abu Sayaf di ESSZONE dari semasa ke semasa.

Selain itu, kawal selia pergerakan keluar masuk (*freedom of movement*) di sempadan negara diperketatkan.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : Y.B DR. ISMAIL BIN DAUT
TARIKH : 17.5.2016
SOALAN : NO. 27

Dr. Ismail Bin Daut [Merbok] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah-langkah proaktif serta program khusus yang dijalankan Kementerian dalam mengatasi masalah kelemahan *soft skills* dalam kalangan pelajar lepasan universiti dan institusi kemahiran.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah-langkah proaktif yang dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam meningkatkan *soft skills* di kalangan pelajar Institusi Pendidikan Tinggi adalah pelaksanaan *Outcome Based Education* (OBE) melalui Kerangka Kelayakan Malaysia (KKM) yang menekankan lapan (8) hasil pembelajaran, iaitu pengetahuan; kemahiran praktikal; kemahiran dan tanggungjawab sosial; nilai, sikap dan profesionalisme; kemahiran komunikasi, kepimpinan dan kerja berpasukan; kemahiran penyelesaian masalah dan kemahiran saintifik; kemahiran pengurusan maklumat dan pembelajaran sepanjang hayat; dan kemahiran mengurus dan keusahawanan. Tujuh (7) daripadanya adalah berteraskan kemahiran praktikal dan kemahiran insaniah.

Pelaporan *Malaysian Soft Skill Scales* (My3S) merupakan instrumen yang diperkenalkan oleh KPT bagi mengukur tujuh (7) elemen

kemahiran insaniah iaitu kemahiran berkomunikasi; pemikiran kritis dan kemahiran menyelesaikan masalah; kemahiran kerja berpasukan; pembelajaran berterusan dan pengurusan maklumat; kemahiran keusahawanan; etika dan moral profesional; dan kemahiran kepimpinan.

Usaha ini dimantapkan melalui pengenalan dan pelaksanaan *Integrated Cumulative Grade Point Average* (iCGPA) seperti yang dinyatakan di dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015 – 2025 (Pendidikan Tinggi) di bawah Lonjakan 1 iaitu Graduan Holistik, Berciri Keusahawanan dan Seimbang. iCGPA telah dilaksanakan di lima (5) buah universiti awam secara rintis mulai tahun 2015. Pelaporan hasil pembelajaran pelajar yang selari dengan hasil pembelajaran yang digariskan oleh KKM secara visual menyediakan mekanisme bagi pihak IPT mengambil langkah penambahbaikan kemahiran insaniah yang lebih efektif melalui intervensi yang sesuai.

Selain itu, kemahiran insaniah turut diserapkan dalam kokurikulum, libat sama industri dalam program pendidikan dan latihan pelajar di samping meningkatkan pengalaman pekerjaan pelajar semasa pengajian. Antara program khusus yang dilaksanakan ialah mensyaratkan pelajar mengikuti latihan industri serta pelaksanaan Program 2u2i iaitu 2 tahun pembelajaran di Universiti dan 2 tahun di industri. Wakil industri juga dilibatkan dalam peringkat pembangunan program pengajian dan di peringkat instruksional melalui program *CEO Faculty Programme* dan program pensyarah jemputan.

Pelaksanaan program Pusat Kecemerlangan Industri-*Industry Centre of Excellence* (ICoE) turut mengukuhkan kerjasama antara universiti dan

industri. Jalinan kerjasama antara industri dan universiti melalui ICoE ini dapat meningkatkan tahap kebolehpasaran pelajar dan kemahiran tenaga kerja akademik melalui pendedahan kepada persekitaran dan pengalaman industri.

Melalui program-program tersebut, KPT berkeyakinan pelajar akan dapat meningkat penguasaan *soft skills* serta mempunyai pengetahuan, kemahiran serta sikap yang sesuai untuk bekerja, selain daripada mempunyai keyakinan untuk menceburi bidang keusahawanan.